

**KATEDRAL SACRED HEART KOTA KINABALU,
1903-2003**

**ALCIA PAUL
HA 2006-6313**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAHINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-
SYARAT BAGI IZAJAH SARJANA MUDA SAINS
SOSIAL DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG
SEJARAH.**

**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
SESI 2008/2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

183361

1400017099



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: KATEDRAL SACRED HEART KOTA KINABALU
1903 - 2003

IJAZAH: SERJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA ALCIA PAUL SESI PENGAJIAN: 2009
 (HURUF BESAR)

*mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Nama Penyelia

Tarikh: 3/08/09

Alamat Tetap:

Tarikh: 3/08/09

Tarikh: 5/10/09

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara partai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS



1400017099

catholic
 communities
 Hispanic youth
 Cultural of practice

 UMS


PERPUSTAKAAN
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan Pelajar


Tarikh: 03.06.2009.



**ALCIA PAUL
HA2006-6313**

PENGESAHAN PENYELIA

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah ini telah dihasilkan oleh pelajar ini mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.


(EN. BILCHER BALA)
Program Sejarah,
Sekolah Sains Sosial

Tarikh: 5/10/09



UMS
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Dengan berjayanya penulisan ini, penulis memanjatkan syukur kepada Tuhan kerana atas cinta kasih dan limpah kurnia-NYA dalam membimbing penulis dalam menghasilkan penulisan ini. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih yang khusus kepada En. Bilcher Bala selaku penyelia yang telah banyak membimbing dan kritikan dalam menyempurnakan Latihan Ilmiah ini.

Tidak lupa juga kepada pensyarah Program Sejarah seperti Profesor Madya Dr. Sabihah Osman, En. Baszley Bee Bin Basrah Bee, En. Mohd Shauki Mohd Radzi, En. Mohd Saffie B. Abd Rahim, penulis turut merakamkan rasa terima kasih di atas sumbangan ilmu sehingga penulis dapat menamatkan pengajian tahun kepujian.

Seterusnya, penulis menghulurkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan maklumat penting bagi penulisan ini seperti para Paderi, Brothers, Sisters dan Katekis, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dalam meluangkan masa dan tenaga bersama-sama dengan penulis.

Tidak lupa juga kepada kakitangan di Perpustakaan Sains Sosial (UMS), Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Arkib Muzium Negeri Sabah dan Pejabat Katedral Sacred Heart, penulis merakamkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan kepada penulis.

Ribuan terima kasih juga khas buat Felicia Guntalib (ibu penulis), Paul Gempu (ayah penulis), Aloysius Paul dan Albert Paul (abang penulis), Alice dan Agnes Paul (kakak penulis) dan Leopold Peter atas berkat doa dan sokongan serta dorongan kalian telah menjayakan Latihan Ilmiah ini justeru kejayaan pengajian penulis keseluruhannya.

Akhir kata, penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan seperti Elny Buyug, Julia Thien, Muhd. Minsya, Jillian Robert, Aiza Liyana Anuar dan Adeline Jeffery Jok.

Sekian, Terima Kasih.



ABSTRAK

Penulisan Ilmiah ini mengupas tentang sejarah dan peranan Katedral Sacred Heart yang diasaskan oleh badan misionari Katolik dalam penyebaran agama Kristian Katolik di kalangan penduduk tempatan khususnya di Kota Kinabalu. Perbincangan ditumpukan kepada persepsi, reaksi dan sikap penduduk tempatan terhadap proses Kristianisasi. Faktor sejarah, ciri-ciri sistem sosial dan sifat universal agama Katolik telah mempengaruhi masyarakat Kota Kinabalu untuk membentuk sebuah masyarakat yang progresif, sejajar dengan matlamat pembangunan bangsa. Dalam menganalisa faktor tersebut, penulis meninjau sejauhmana Katedral Sacred Heart berjaya dalam tujuan utamanya untuk menarik perhatian masyarakat Kota Kinabalu supaya menganuti agama Katolik di samping meninjau peranannya terhadap perubahan dan pembangunan dalam bidang pendidikan.



ABSTRACT***Cathedral Sacred Heart Kota Kinabalu, 1903-2003***

This academic exercise intends to study the history of Cathedral Sacred Heart and its role in spreading the religion of Catholic among the local community especially in Kota Kinabalu. History, social structure and universality of Catholic have inspirited in developing a progressive community toward a developing nation. The main purpose of Cathedral Sacred Heart is to provide education for community in Kota Kinabalu.



SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	iv
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vi
Senarai Kandungan	vii
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Gambar	xi
Singkatan	xiii
Glosari	xiv

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Tujuan Kajian	2
1.4 Tinjauan Kajian Lepas	2
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Metodologi Kajian	9
1.8 Pembahagian Bab	10

BAB 2 : ASAL USUL KEDATANGAN AGAMA KRISTIAN KATOLIK DI SABAH

2.1 Pengenalan	11
2.2 Agama Kristian dan Mazhab Katolik	11
2.3 Asal usul Katolik di Malaysia	14
2.4 Asal usul Mazhab Katolik di Sabah	20
2.5 Pertapakan Gereja Katolik di Sabah	33
2.6 Kesimpulan	37

BAB 3 : PENUBUHAN DAN ORGANISASI KATEDRAL KATOLIK

3.1 Pengenalan	38
3.2 Pengasas Katedral Katolik	39
3.3 Pembinaan Gereja	45
3.4 Struktur organisasi Pentadbiran	61
3.5 Kesimpulan	80



BAB 4 : PERANAN DAN SUMBANGAN

4.1 Pengenalan	81
4.2 Peranan	81
4.2.1 Pendakwahan	82
4.2.2 Khidmat Pendidikan	84
4.2.3 Khidmat Sosial	88
4.2.4 Percetakan	94
4.2.5 Khidmat Selepas PengKristianan	97
4.3 Reaksi Masyarakat terhadap Sumbangan Katedral	98
4.4 Kesimpulan	105

BAB 5 : KESIMPULAN

106

BIBLIOGRAFI

110

LAMPIRAN A

117

LAMPIRAN B

119

LAMPIRAN C

124



SENARAI JADUAL

Senarai	Tajuk	Muka Surat
Jadual 2.1	Beberapa fakta yang penting tentang gereja di Borneo.	36
Jadual 3.1	Perbandingan jumlah jenis sekolah, pelajar dan guru sehingga bulan Disember 1950.	57
Jadual 3.2	Format untuk mendefinasikan peranan dan fungsi.	70



SENARAI RAJAH

Senarai	Tajuk	Muka Surat
Rajah 3.1	Visi dan Misi Katedral Sacred Heart.	66
Rajah 3.2	Matlamat Katedral untuk memenuhi visi dan misi.	67
Rajah 3.3	Dasar perlaksanaan objektif (DPO).	68
Rajah 3.4	Objektif yang membolehkan (OM).	69



SENARAI GAMBAR

Senarai	Tajuk	Muka Surat
Gambar 2.1	Imej Yesus Kristus yang sering digunakan oleh penganut Katolik.	14
Gambar 2.2	Pengembaraan Odoric dari Pordenone.	20
Gambar 2.3	Fr. Antonio Ventimiglia, Borneo 1689-1691.	22
Gambar 2.4	Fr. Don Carlos Cuarteron iaitu <i>Prefect Apostolic</i> pertama.	24
Gambar 2.5	<i>St Joseph's College Mill Hill</i> , London.	25
Gambar 2.6	Labuan ketika Msgr. Cuarteron tiba pada tahun 1857.	26
Gambar 2.7	Fr. Thomas Jackson, <i>Prefect Apostolic Mill Hill</i> pertama bagi Labuan dan Borneo, 1881-1895.	27
Gambar 3.1	Keadaan Jesselton pada tahun 1904. Kelihatan pembinaan rumah jalan kereta api dan jalan raya siap dibina.	41
Gambar 3.2	Fr. Hendry van der Heyden.	42
Gambar 3.3	Fr. William van Mens, paderi kedua yang bertugas di Jesselton.	45
Gambar 3.4	Fr. Valentine Weber.	47
Gambar 3.5	Gereja Sacred Heart yang pertama dibina pada tahun 1911 oleh Fr. Valentine Weber.	47
Gambar 3.6	Gereja Sacred Heart pada tahun 1938 oleh Fr. Arnold Verhoeven.	50
Gambar 3.7:	Perkahwinan pertama dilakukan di gereja Sacred Heart antara Nicholas Moo dan Philomena Shim pada 17 Ogos 1938.	50
Gambar 3.8	Bandar Jesselton selepas pengeboman pada Perang Dunia Kedua, 1945.	51
Gambar 3.9	Gereja Sacred Heart yang telah siap dibina pada tahun 1949.	55



Gambar 3.10 Katedral Sacred Heart yang siap dibina pada tahun 1981. 60

Gambar 3.11 Pembahagian persempadanan Diosis Negeri Sabah. Kelihatan bahagian pentadbiran Diosis Kota Kinabalu. 62



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

BCCM	<i>Basel Christian Church of Malaysia</i>
BCMI	<i>The Borneo Church Mission Institution</i>
BNBH	<i>British North Borneo Herald</i>
CWL	<i>The Catholic Women's League</i>
Fr.	<i>Father</i>
Msgr.	<i>Monsinyur (monsignor)</i>
NBCA	<i>North Borneo Central Archive</i>
PAX	<i>Persatuan Agama Katolik Sabah (Sabah Catholic Religious Union)</i>
PBS	<i>Parti Bersatu Sabah</i>
PUKAT	<i>Perhimpunan Umat Katolik</i>
Rev.	<i>Reverend</i>
SBBU	<i>Syarikat Berpiagam Borneo Utara</i>
S.P.G	<i>Society for the Propagation of the Gospel in Foreign Parts</i>
St.	<i>Saint</i>
TPK	'Team' Pastoral Katedral
UMNO	<i>United Malays National Organization</i> (Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu)



GLOSARI

Baptis/membaptis	Menjadikan seseorang Kristian melalui upacara permandian.
Brother	Rahib lelaki. Mereka mengabdikan diri dan berbakti sepenuhnya dengan kerja-kerja misionari, kebajikan, khususnya kaum lelaki.
Chapel	Gereja-gereja kecil yang dibawah pentadbiran paroki, khususnya dalam mazhab Katolik.
Katekis	Orang yang membantu menyampaikan ajaran Injil, biasanya di <i>Chapel/outstation</i> semasa ketiadaan paderi.
Katekismus	Pelajaran tentang agama Kristian, biasanya dalam bentuk sesi soal-jawab.
Katekumen	Orang dewasa yang sedang mempersiapkan diri untuk pembaptisan.
Parokhi	Kawasan atau daerah sesuatu gereja, khasnya Katolik. Sebuah paroki, biasanya dijaga oleh seorang paderi dan dalam sesebuah paroki terdapat beberapa buah gereja.
Monsinyur (<i>monsignor</i>)	Gelaran tertinggi yang diberi kepada paderi gereja Katolik.
Reverend	Gelaran untuk pendeta agama Kristian.
Sister	Rahib wanita. Mereka mengabdikan diri dan berbakti sepenuhnya dengan kerja-kerja misionari, kebajikan seperti mengendalikan sekolah untuk para pelajar perempuan (<i>convent</i>) dan membantu memberi perkhidmatan kesihatan.
Uskup (Bishop)	Paderi besar atau ketua dari segala paderi. Tugasnya ialah mengawasi sesuatu kawasan gereja seperti di peringkat negeri.



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini ingin menerangkan sejarah Katedral Sacred Heart di Kota Kinabalu dalam tempoh 100 tahun kewujudannya. Sebelum menerangkan sejarahnya lebih lanjut, terlebih dahulu dalam bab ini akan menegaskan beberapa perkara asas berkaitan dengan kajian ini seperti permasalahan kajian, tujuan kajian, tinjauan kajian lepas, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan pembahagian bab.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan utama kajian ini ialah untuk mengetahui kehadiran awal Katedral Katolik di Sabah dan khususnya di Kota Kinabalu. Permasalahan kedua pula ialah apakah faktor yang membolehkan kewujudan dan kelangsungan Katedral Katolik di Kota Kinabalu. Permasalahan ketiga ialah bagaimana Katedral Katolik ini mengekalkan dan mengukuhkan misinya.



1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini dibuat bertujuan untuk menerangkan sejarah asal usul Katedral Katolik di Kota Kinabalu. Kajian ini juga bertujuan untuk mendedahkan peranan Katedral Katolik terhadap perkembangan agama di kalangan masyarakat khususnya di Kota Kinabalu. Kajian ini akan menerangkan mengenai struktur organisasi pentadbiran Katedral Katolik dan juga menerangkan sambutan masyarakat terhadap Katedral Katolik.

1.4 Tinjauan Kajian Lepas

Dapat dikatakan bahawa penulisan mengenai penubuhan mazhab Katolik di Sabah masih kurang. Terdapat beberapa penulisan mengenai perkembangan agama Kristian di Malaysia.

Contohnya, buku yang berjudul *A History of Christianity*¹ tulisan Paul Johnson menerangkan sejarah kelahiran, perkembangan dan penyebaran agama Kristian ke negara-negara Barat. Pengarang turut mengutarakan 'kejayaan' yang telah dicapai oleh agama Kristian berdasarkan pandangan beliau sendiri. Buku ini amat penting kerana pengarang telah menyentuh tentang sejarah kelahiran agama Kristian itu sendiri serta perkembangan agama Kristian. Walau bagaimanapun, pengarang hanya menyentuh secara umum tentang sejarah agama Kristian dan lebih banyak menyentuh tentang penyebaran yang dilakukan.

Dalam penyelidikan ini, rujukan juga dibuat terhadap latihan ilmiah yang dihasilkan oleh Yahya Bin Muhamad yang bertajuk *Perkembangan Ugama Kristian di Sabah Setelah Merdeka: Sorotan pada Zaman Parti Perikatan USNO-SCA, Kerajaan Parti Berjaya dan Kerajaan Parti PBS*.² Dalam penulisan ini telah menjelaskan aktiviti serta kegiatan yang dijalankan oleh para pendakwah daripada mazhab Katolik, SIB dan

¹ Paul Johnson. 1976. *A History of Christianity*. New York: A Touchstone Book.

² Yahya Bin Muhamad. 1990. *Perkembangan Ugama Kristian di Sabah Setelah Merdeka: Sorotan pada Zaman Parti Perikatan USNO-SCA, Kerajaan Parti Berjaya dan Kerajaan Parti PBS*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.



beberapa mazhab lain di Sabah dalam tempoh pemerintahan kerajaan yang disebutkan di atas. Pengarang telah menyatakan bagaimana cara pendekatan yang dilakukan oleh pada pendakwah daripada mazhab ini dalam menyebarkan dan mengembangkan agama mereka. Kajian ini akan digunakan oleh penulis untuk membuat perbandingan bagaimana cara pendekatan yang dilakukan oleh para pendakwah serta peranan mereka dalam mengembangkan agama mereka. Ini diharap dapat memberi sedikit gambaran mengenai pendekatan yang dilakukan oleh para pendakwah Kristian dalam menyebarkan agama mereka.

Buku *CHRISTIANITY In Malaysia* yang di tulis oleh Robert Hunt, Lee Kam Hing dan John Roxborogh³ menerangkan tentang pengaruh Kristian Roman Katolik mula bertapak di Tanah Melayu berikutan pendaratan Portugis sehingga pengaruh agama Kristian telah tersebar ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu termasuklah Sabah dan Sarawak. Signifikannya penulisan ini adalah kerana pengarang memberikan maklumat tentang kedatangan agama Kristian atau gambaran tentang perkembangan agama Kristian di Malaysia secara amnya. Walau bagaimanapun, penulisan ini menceritakan tentang sejarah perkembangan agama Kristian yang terdapat di Malaysia secara menyeluruh dan terlalu umum.

Penulisan Jacqueline Aidah Walter yang bertajuk *Pengaruh Sistem Pendidikan Inggeris Terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan Di Sabah Sebelum Merdeka*⁴ adalah menjelaskan tentang bagaimana sistem pendidikan Inggeris ini telah mempengaruhi terhadap perkembangan sistem pendidikan di Sabah sebelum merdeka. Pengarang telah menggambarkan sistem pendidikan mubaligh semasa kerajaan British memerintah di Sabah. Pengarang turut menghuraikan bagaimana perkembangan sistem pendidikan Inggeris dan penerimaan masyarakat tempatan terhadap sistem pendidikan ini. Pengarang juga telah menyatakan bagaimana sistem pendidikan yang diperkenalkan telah meningkatkan kualiti hidup masyarakat pribumi di Sabah. Walau bagaimanapun,

³ Robert Hunt, Lee Kam Hing & John Roxborogh. 1992. *CHRISTIANITY in Malaysia. A Denominational History*. Selangor: Pelanduk Publication.

⁴ Jacqueline Aidah Walter. 1998. *Pengaruh Sistem Pendidikan Inggeris Terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan di Sabah Sebelum Merdeka*. Kertas Kajian Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan Semarang: Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial.

penulisan ini hanya menjelaskan sistem pendidikan Inggeris di Sabah secara umumnya tanpa menghuraikan secara terperinci di sesuatu kawasan yang khusus. Akan tetapi, penulisan ini juga menjadi salah satu rujukan utama bagi mendapatkan maklumat mengenai perkembangan sistem pendidikan mubaligh dan peranan yang dimainkan oleh pihak mubaligh dan gereja dalam menyebarkan pendidikan serta sambutan masyarakat tempatan terhadap pendidikan mubaligh di Sabah secara umumnya.

Buku berjudul *150 Pears of the Anglican Church in Borneo, 1848-1998* yang di tulis oleh Peter M. Kedit, (et.al)⁵ memberi gambaran jelas tentang pertapakan gereja Anglikan di Borneo. Pengarang turut memberikan tumpuan secara terperinci terhadap perkembangan dan perubahan yang di alami oleh gereja yang terdapat di Borneo. Buku ini penting sebagai rujukan dengan melihat kepada perkembangan dan perubahan yang di alami oleh gereja yang terdapat di Borneo. Selain itu, buku ini dapat memberikan maklumat tentang kajian yang akan di lakukan berkenaan gereja Katolik yang terdapat di Borneo. Namun demikian, pengarang hanya membincangkan tentang gereja Anglikan yang terdapat di Borneo dan hanya menyentuh sepintas lalu tentang gereja Katolik yang terdapat di Borneo.

Buku seperti yang di tulis oleh Ghazali Basri yang bertajuk *Gerakan Kristian*⁶ memberi penekanan terhadap perkembangan agama Kristian di Malaysia. Pengarang banyak mengumpul maklumat setiap mazhab Kristian di Negeri Sabah dan menyentuh setiap mazhab yang ada di Sabah secara umum. Signifikannya penulisan ini adalah kerana pengarang telah menyentuh tentang gereja Sidang Injil Borneo (SIB) di Sabah sehingga agama ini telah berpengaruh di negeri Sabah pada masa ini. Walau bagaimanapun, pengarang hanya membincangkan tentang gereja SIB di Sabah dan hanya sedikit menyentuh tentang setiap mazhab di Sabah.

⁵ Peter M. Kedit, (et.al). 1998. *150 Pears of the Anglican Church in Borneo, 1848-1998*. Kuching: The Right Reverend Made Katib Bishop of Kuching.

⁶ Ghazali Basri. 1999. *Gerakan Kristian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sebuah penulisan ditulis oleh Hilladzirah Bte Abd. Hamid bertajuk *Perkembangan Sekolah-sekolah di Jesselton, 1880-1941*⁷ yang menerangkan perkembangan sekolah di Jesselton pada tahun 1880-an sehingga tahun 1941. Kajian ini telah menjelaskan perkembangan pendidikan di Jesselton bermula dengan pembukaan pelbagai jenis sekolah. Di sini, pengarang telah menekankan tentang peranan yang dimainkan oleh beberapa pihak dalam menggerakkan sekolah di Jesselton sehingga telah menarik perhatian dari pelbagai pihak, khususnya masyarakat tempatan di Sabah. Penulisan ini juga memfokuskan sistem pendidikan yang terdapat di Jesselton secara terperincinya. Walau bagaimanapun, penulisan ini dilakukan sehingga berlakunya Perang Dunia Kedua sahaja. Namun, kajian ini juga penting bagi mendapatkan gambaran tentang sekolah mubaligh yang terdapat di Sabah semasa pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) sehinggalah berlakunya Perang Dunia Kedua.

Buku *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia* yang di tulis oleh Ismail Abdul Rahman⁸ mengkhususkan perkembangan agama Katolik di Malaysia iaitu di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Beliau memberikan perhatian secara menyeluruh tentang perkembangan Kristian Katolik di Sabah serta turut memberikan tumpuan secara terperinci terhadap perkembangan agama Katolik di setiap daerah di negeri Sabah. Signifikannya penulisan ini adalah kerana telah memberikan gambaran yang jelas bagaimana permulaan misi Katolik di setiap daerah di Sabah sehingga misi Katolik ini telah tersebar ke setiap daerah di Sabah. Namun, pengarang hanya menyentuh secara umum bagaimana perkembangan agama Katolik di Malaysia.

Latihan Ilmiah berjudul *Hubungan gereja dan Negara di Filipina* oleh Amy Khong Fui Chu⁹ menyentuh tentang gereja yang memainkan peranan dalam pentadbiran Negara Filipina. Pengarang mengatakan selain peranan gereja dalam menyebarkan agama Kristian, gerakan mubaligh yang terdapat dalam Negara Filipina turut membantu dalam sistem pentadbiran negara tersebut sehinggalah Negara Filipina

⁷ Hilladzirah Bte Abd. Hamid. 1999. *Perkembangan Sekolah-sekolah di Jesselton (1880-1941)*. Kertas Kajian Jabatan Sejarah Fakulti Sastera & Sains Sosial. Universiti Malaya.

⁸ Ismail Abdul Rahman. 2000. *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁹ Amy Khong Fui Chu. 2003. *Hubungan Gereja dan Negara di Filipina*. Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.



mempunyai sistem pentadbiran yang baik dan sistematik. Buku ini penting kerana pengarang telah memberikan gambaran yang jelas bagaimana sesebuah gereja dapat memainkan peranan penting dalam sistem pentadbiran Negara Filipina. Walau bagaimanpun, pengarang lebih banyak menyentuh tentang sistem pentadbiran Negara Filipina berbanding gereja.

Buku yang ditulis oleh Mat Zib Mat Kib yang bertajuk *Kristian di Sabah, 1881-1994*¹⁰ memberi gambaran yang jelas tentang perkembangan pelbagai mazhab Kristian di Sabah. Beliau banyak mengumpul maklumat setiap mazhab Kristian di negeri Sabah. Signifikannya penulisan ini adalah kerana pengarang telah beri gambaran yang jelas bagaimana pertapanan gereja mazhab utama kristian di Sabah namun, pengarang hanya menerangkan secara umum sahaja.

Satu lagi kajian telah dijalankan oleh Tan Bee Guen yang bertajuk *Peranan Mubaligh Katolik dalam bidang Pendidikan di Sabah, 1881-1963*¹¹ semasa menyempurnakan Latihan Ilmiah. Penulisan beliau menjelaskan peranan badan keagamaan dalam memperbaiki mutu pendidikan di Negeri Sabah. Dalam tesis ini, beliau telah menjelaskan tentang latar belakang mualigh Katolik di Sabah, sumbangan serta cabaran yang dihadapi oleh golongan mualigh. Kajian ini lebih menyeluruh dan agak umum. Tambahan pula, beliau hanya mengkhusus kepada satu bidang sahaja iaitu pendidikan. Kekuatan pada tesis ini terletak pada kejayaan penulisannya dalam mengumpul dan menganalisa fakta dengan menarik. Di samping itu, penulis berjaya menggarap isi dengan baik serta disampaikan secara terperinci. Sungguhpun demikian, skop kajian hanya tertumpu kepada peranan mualigh Katolik dalam bidang pendidikan sahaja. Aspek lain kurang diberi penekanan.

Buku yang ditulis oleh Ismail Yusoff yang bertajuk *Politik dan Agama di Sabah*¹² menerangkan tentang masyarakat dan perkembangan politik di Sabah. Pengarang turut menyentuh tentang penyebaran agama Kristian di Sabah secara sepintas lalu.

¹⁰ Mat Zib Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹¹ Tan Bee Guen. 2000. *Peranan Mualigh Katolik dalam Bidang Pendidikan di Sabah, 1881-1963*. Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.

¹² Ismail Yusoff. 2004. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



Pengarang menyimpulkan kesemua perbincangan dalam bab sebelumnya dengan menegaskan bahawa konflik yang berlaku di Sabah adalah di sebabkan oleh faktor keagamaan oleh perbezaan etnik. Buku ini penting kepada kajian yang akan dibuat kerana pengarang telah menyentuh tentang perkembangan agama Kristian di Sabah. Walau bagaimanapun, pengarang lebih menyentuh tentang perkembangan politik di Sabah. Penulis hanya tumpu kepada perkembangan agama Kristian di Sabah secara umum sahaja.

Gereja dan Kejatuhan Marcos yang ditulis oleh Maureen De Silva¹³ menerangkan tentang hubungan gereja dengan pentadbiran Marcos sehingga menamatkan pemerintahan Marcos. Pengarang turut menyentuh perubahan sikap gereja terhadap kerajaan Marcos serta meneliti dasar yang telah diambil oleh pihak gereja dalam memastikan rakyat Filipina terlepas daripada belenggu penindasan ketika Marcos memegang tumpuk pemerintahan Filipina. Signifikannya penulisan ini adalah kerana pengarang telah memberi gambaran yang jelas bagaimana gereja Roman Katolik telah memainkan peranan yang amat penting dalam memobilisasikan rakyat melalui keimanan Katolik. Walau bagaimanapun, pengarang hanya membincangkan tentang gereja Roman Katolik di Filipina sahaja.

Rosmini Binti Basman dalam kajiannya yang berjudul *Peranan Guru-guru Agama Semenanjung terhadap aspek Sosial Masyarakat Setempat di Kuala Penyu*¹⁴ telah menerangkan tentang guru agama Semenanjung yang datang bertugas di Sabah, khususnya di daerah Kuala Penyu. Dalam penulisannya telah menerangkan sejarah kedatangan Islam dan guru agama dari Semenanjung ke Sabah melalui polisi serta peranan yang dimainkan oleh Datu Tun Mustapa Bin Datu Harun, sewaktu beliau menjadi Ketua Menteri Sabah dan selaku Pengarah di USIA. Pengarang juga telah mengkaji peranan dan keberkesanannya kedatangan guru agama Semenanjung terhadap aspek sosial, terutamanya dalam bidang pendidikan di kalangan masyarakat setempat di daerah Kuala Penyu sejak tahun 1970 sehingga 1980. Walau bagaimanapun, pengarang lebih memberi penekanan kepada peranan guru agama Islam sahaja.

¹³ Maureen De Silva. 2004. *Gereja dan Kejatuhan Marcos*. Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.

¹⁴ Rosmini Binti Basman. 2005. *Peranan Guru-guru Agama Semenanjung Terhadap Aspek Sosial Masyarakat Setempat di Kuala Penyu*. Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.



Siti Aidah Hj. Lokin dalam bukunya yang berjudul *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah sepanjang tahun 1881 hingga 1963*¹⁵ juga menjadi rujukan utama terhadap kajian yang akan dilakukan. Buku ini penting dalam penulisan untuk mendapatkan gambaran tentang keadaan para misionari Kristian, gereja dan kemudahan lain semasa era pendudukan Jepun ke atas Sabah yang bermula pada tahun 1942. Walaupun buku ini tidak mengambarkan keadaan Katedral Sacred Heart secara khusus namun, perincian yang jelas tentang keadaan misionari Katolik serta gereja yang terdapat pada masa ketika itu dapat memberi serba sedikit maklumat berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan. Buku ini secara langsung membantu kepada pengumpulan data berhubung dengan misionari Katolik seterusnya terhadap penganut Katolik.

Dapat disimpulkan bahawa penulis mendapati penulisan kajian lepas lebih menekankan kajian aspek etnografi dan aspek kronologi agama Kristian terhadap masyarakat di sesuatu kawasan. Oleh itu, penulis berhasrat untuk mengkaji pengaruh dan peranan Katedral Sacred Heart di kalangan masyarakat Kota Kinabalu.

1.5 Kepentingan Kajian

Setakat ini, masih amat kurang penulisan mengenai sejarah Gereja mazhab Katolik di Negeri Sabah. Kajian ini yang memfokuskan terhadap Katedral Katolik di Kota Kinabalu adalah penting untuk menyumbang ke arah memperbanyakkan kajian tersebut. Kajian ini dilakukan untuk meningkatkan pemahaman masyarakat selain masyarakat Kota Kinabalu untuk menyedari kepentingan kajian sejarah agama. Kajian agama merupakan salah satu retrospek yang terawal dalam bidang sejarah dan amat penting di kalangan ahli-ahli sejarawan. Dengan adanya penulisan sebegini akan dapat menggalurkan serba sedikit fakta dan bukti mengenai perkembangan penyebaran agama dan pengaruhnya dalam membentuk pemikiran pemimpin dan rakyat di Sabah.

Di samping itu juga, kajian ini penting untuk merungkai sejarah awal Katedral Sacred Heart yang belum pernah diterbitkan terutama dalam aspek agama. Tinjauan

¹⁵ Siti Aidah Hj. Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah, 1881-1963*. Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.



dan penulisan sejarah bukanlah sesuatu yang mudah sebaliknya mengambil tempoh yang sangat lama untuk menghasilkan sebuah karya yang konduksif. Perkara paling penting ialah usaha penulisan yang terbit dari kalangan penulis tempatan.

Selain itu, kajian ini penting bagi menerangkan peranan dan sumbangan Katedral Katolik terhadap perkembangan rohani masyarakat di Kota Kinabalu. Kajian ini juga penting bagi menerangkan peranan tentang bahagian organisasi dan individu dalam Katedral Katolik untuk memastikan kelangsungan Katedral Katolik di Sabah di samping dalam menjelaskan konsep kepercayaan Katedral Katolik yang sebenarnya.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memberi fokus terhadap sejarah agama Kristian tentang mazhab Katolik di Sabah dan Kota Kinabalu. Secara khususnya, kajian ini adalah mengenai sejarah Katedral Katolik dengan tumpuan masa dan tahun 1903 sehingga 2003. Ini merupakan sejarah awal Katedral sacred Heart apabila diasaskan oleh Fr. Hendry Van der Heyden pada tahun 1903 sehingga 2003.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah perpustakaan seperti di Pusat Sumber Katedral Sacred Heart, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Pusat Sumber Sekolah Sains Sosial dan Perpustakaan Negeri bagi menambah dan mendapatkan sumber maklumat tentang kajian yang akan dilakukan. Kaedah arkib juga dilakukan seperti Arkib Negeri dan Arkib Negara. Ini penting untuk mendapatkan sumber primer terhadap kajian. Kaedah temubual turut dilakukan ke atas pihak pengurusan, para paderi dan penduduk tempatan bagi mengetahui sambutan dan penerimaan masyarakat khasnya kepada masyarakat yang beragama Kristian terhadap Katedral Sacred Heart ini.

1.8 Pembahagian Bab

Secara amnya, kajian ini terbahagi kepada lima bab. Bab pertama merupakan bab pendahuluan yang menerangkan mengenai struktur kajian ini. Perkara ini perlu ditinjau terlebih dahulu agar penulis dapat memahami kajian yang bakal akan dibuat dan bagaimana cara penulis akan membuat kajiannya. Dalam bab kedua membincangkan tentang asal usul dan kedatangan agama Kristian Katolik di Sabah. Perkara ini perlu ditinjau terlebih dahulu agar dapat memberi suatu kefahaman yang jelas kepada pembaca dalam meninjau keberkesanannya agama Kristian dalam memperkembangkan ajaran agama Kristian terhadap penganutnya, amnya masyarakat di sekitar Kota Kinabalu.

Bab ketiga membincangkan penubuhan dan organisasi Katedral Katolik di Kota Kinabalu. Perkara penting yang akan dibincangkan ialah pengasas Katedral Katolik dan pembinaan gereja serta struktur organisasi pentadbiran dalam Katedral Katolik Sacred Heart. Dalam bab yang keempat pula memperlihatkan tentang peranan dan sumbangan Katedral kepada masyarakat di Kota Kinabalu. Perkara ini penting bagi memperlihatkan bagaimana sebuah Katedral ini dapat memainkan peranan dan sumbangan kepada masyarakat, amnya di Kota Kinabalu. Bab yang terakhir pula adalah kesimpulan bagi keseluruhan latihan ilmiah ini. Dalam bahagian ini, menyimpulkan kejayaan agama Kristian yang digerakkan oleh mazhab Katolik telah membawa kesan positif ke arah perubahan dan pembangunan terhadap penganutnya pada hari ini. Perbincangan juga menyentuh tentang kesan negatif ajaran kristian Katolik ke atas nilai-nilai kebudayaan tradisional mereka.



BIBLIOGRAFI

Annual Report

Annual Report, Propaganda Fide in August 1902.

Annual Report on the Immigration and Protectorate Department 1908, by W. H. Penney,
Administration and Annual Reports 1908, C. O. 648/1, ff. 20-21.

British North Borneo Herald, January 1903.

British North Borneo Herald, June 17, 1911.

British North Borneo Herald, June 1, 1911.

British North Borneo Herald, 16 September 1938.

British North Borneo Herald, 1883-1942.

NBCA. 11 Februari 1954.

NBCA 1073 – Borneo Evangelical Mission.

R. E. Perry. *Colony of North Borneo Education Department Annual Report for the Year 1950*. Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

Akhbar

Anak Sabah. March 1961.

Catholic Sabah. Ogos 1981.

Catholic Sabah. Oktober 1981.

Catholic Sabah. Mei 1982.

Catholic Sabah. Jun 1982.

Catholic Sabah. September 1982.

Catholic Sabah. Disember 1982.

Catholic Sabah. 16 November 1999.

Catholic Sabah. 2000.

Catholic Sabah. 2002.

Catholic Sabah. 5 April 2002.

North Borneo News. 11 Februari 1954.

North Borneo News. 16 Januari 1951.

Sabah Catholic Women's Leaugue. Vol. No.2/7/89.

Sabah Times. 17 Mac 1966.

Wong, D. "The Founding of Jesselton", in *The Daily Express*, 17th Januari 2000.

Koleksi Katedral Sacred Heart

Bible.

Calendar Diocese of Kota Kinabalu Tahun 1977, 1978 dan 1979.

C. O. 874. *Roman Catholic Mission in North Borneo, 1918-1941.*

Fr Hans Boerakker. *The Mission Station of the Sacred Heart at Jesselton.*

Launching of the New St. Francis' Convent Secondary School Building Project, September 2002.

Pelan Pastoral Diosis (DOPP), 1998-2004. Diosis Kota Kinabalu, Sabah.

Umat Berjalan Bersama Mencapai Wawasan Keuskupan Kota Kinabalu, Sambutan Ulang Tahun ke-3 Keuskupan Kota Kinabalu dan Pelancaran Pesta Kaamatan Peringkat Keuskupan Kota Kinabalu. 1 Mei 1996.

Silver Jubilee of The Diocese of Kota Kinabalu 2002. Kota Kinabalu: The Diocese Of Kota Kinabalu.

Silver Jubilee of the Dedication of Sacred Heart Cathedral. Kota Kinabalu: Perkasa Construction Sdn. Bhd.

The Franciscan Herald, 1949.

The Franciscan Herald, 1948/1949.

The Franciscan Herald, 1960.

Kamus

- Ernest Mariyanto. 2004. *Kamus Liturgi Sederhana*. Penerbit Kanisius.
- Kamus Dewan (edisi ketiga)*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus DwiBahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*. 1979. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jurnal

- Halvor, Christopher. *Book Review: The Journal of Religion*. Vol. 80, No.1. University of Chicago.
- K. P. Tabrett. 1994. Sabah Society Journal Vol. 11. Sabah: Kota Kinabalu.
- Mat Zin bin Mat Kib. 2004. *Christianization In Sabah and the Development of Indigenous Communities: A Historical Study*, dalam JMBRAS LXXVII (1).

Buku

- Awang Sahari Abdul Latif. 1991. *Peranan USIA Dalam Membina Kepentingan Agama Islam di Sabah*. Kertas Kerja program USIA di Papar, Kota Kinabalu.
- Chiew, C. 1999. *Makna Gereja*. Sabah: Keuskupan Keningau.
- Davies, Douglas. 1994. *Myth and History*. Great Britain: Biddles Ltd, Guildford and King's Lynn.
- Fr. Anthony Hutjes Ss.Cc. 2002. *The Catholic Church*. Singapore: Khalsa Printed Pte Ltd.
- Fr. Cosmas Lee dan Stella Mo-Tan. 2004. *100 Years of Good News: 1903-2003*. Kota Kinabalu: Sacred Heart Cathedral.
- Ghazali Basri. 1999. *Gerakan Kristian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Glazier, Micheal dan Hellwing, Monica K. 1994. *The Modern Catholic Encyclopedia*. Minnesota: The Liturgi Press.
- Hasan Mat Nor. 2001. *Salib Dalam Komuniti Pinggiran*. Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Abdul Rahman. 2000. *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ismail Yusoff. 1997. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johnson, Paul. 1976. *A History of Christianity*. New York: A Touchstone Book.
- King T. Victor. 1993. *The People of Borneo*, Blackwell Publisher: Oxford UK & Cambridge USA.
- K. G. Tregonning. 1965. *A History of Modern Sabah (1881-1963)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Lee Yong Leng. 1982. *SABAH: Satu Kajian Geografi Petempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lewis, Bernard. 1995. *Kemelut Peradaban Kristian, Islam dan Yahudi*. 2001. Terjemahan Prismasophie. Yogyakarta: IRCisoD.
- Lewis Hopfe, M. 1983. *Religion of the World*. New York: Macmillan Publishing.
- Mat Zib Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maureen De Silva. 2004. *Gereja dan Kejatuhan Marcos*. Universiti Malaysia Sabah: Sekolah Sains Sosial.
- Hall, Maxwell. 1962. *Kinabalu Guerillas: An account of the Double Tenth, 1943*, Borneo Literature Bureau, Hong Kong: The Union Press.
- Montgomery, W. John. 1965. *History and Christianity*. Bethany House Publishers: A Division of Bethany Fellowship, Inc.
- M. Hopfe, Lewis & R. Woodward, Mark. 2005. *Religion of The World*. Pearson Education, Inc, upper Saddle River, New Jersey.
- Kedit, Peter M., Aeries, S. Jingan, Darrell, Tsen, Chung, Thomas, Munan, Heidi dan Yohannan, John. 1998. *150 Years of the Anglican Church in Borneo, 1848-1998*. The Right Reverend Made Katib Bishop of Kuching.
- Poilis, W. 1981. *A Popular History of the Catholic Church in Sabah*. Kota Kinabalu: The Diocese of Kota Kinabalu.
- Ranjit Singh, D. S. 2000. *The Making of Sabah, 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hunt, R., Lee Kam Hing & Roxborogh, John. 1992. *CHRISTIANITY in Malaysia. A Denominational History*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication.

- Rooney, John. 1981. *Khabar Gembira: A History of the Catholic Church in East Malaysia and Brunei, 1889-1976*. London-Kota Kinabalu: Burns & Qates.
- Rosnah Ismail & Abdul Halim Othman. 1999. *Kualiti Keluarga KadazanDusun: Satu Wawancara Kumpulan Berfokus*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Bumiputera Sabah, 1881-1941*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabihah Osman. 1990. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aidah Hj. Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran: Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Suraya Sintang. 2007. *Kehidupan Beragama Masyarakat KadazanDusun*. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Stephen, Neil. 1971. *A History of Christian Missions*. Australia: Penguin Books Nota Taklimat Daerah Tuaran. 1991.
- Taylor, Brian. 1983. *The Anglican Church in Borneo, 1848-1962*. United Kingdom: New Horizon, Sussex.
- Whelan, F. G. 1968. *A History of Sabah*. Singapore: Heinemann Educational Books.

Latihan Ilmiah

- Amy Khong Fui Chu. 2003. *Hubungan Gereja dan Negara di Filipina*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Dayu Bin Sansalu. 2002. *Pendidikan dan Proses Permodenan Masyarakat Peribumi Rumpun Dusun Bukan Islam di Sabah (1881-1967)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Hilladzirah Bte Abd. Hamid. 1999. *Perkembangan Sekolah-sekolah di Jesselton (1880-1941)*. Kertas Kajian Jabatan Sejarah Fakulti Sastera & Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Jacqueline Aidah Walter. 1998. *Pengaruh Sistem Pendidikan Inggeris Terhadap Perkembangan Sistem Pendidikan di Sabah Sebelum Merdeka*. Kertas Kajian Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan Semarang: Fakultas Pendidikan Ilmu Pengetahuan Selangor.

- Joel B. Apok. 2005. *Sejarah Perkembangan Agama Kristian True Jesus Church di Daerah Tamparuli, 1936-2004*. Sekolah sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.
- Jovita Claudius. 2003. *Perkembangan Agama Kristian Katolik di Kuala Penyu, 1956-1981*. Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.
- Norren Bt Angati. 2007. *Sejarah Penyebaran Agama Kristian Protestant Church in Sabah (PCS) di Kalangan Masyarakat Rungus Kudat*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Rosmini Binti Basman. 2005. *Peranan Guru-guru Agama Semenanjung Terhadap Aspek Sosial Masyarakat Setempat di Kuala Penyu*. Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.
- Tan Bee Guen. 2000. *Peranan Mubaligh Katolik dalam Bidang Pendidikan di Sabah, 1881-1963*. Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.
- Yahya Bin Muhammad. 1990. *Perkembangan Ugama Kristian di Sabah Setelah Merdeka: Sorotan pada zaman Parti Perikatan USNO-SCA, Kerajaan Parti Berjaya dan Kerajaan Parti PBS*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Internet

- 'Gereja Roman Katolik' dalam http://ms.wikipedia.org/wiki/Gereja_Katolik_Rom.
- 'Ecclesiastical Province of Kota Kinabalu' dalam http://www.kkdiocese.net/parishes/parish_images/mapParish.jpg.

Responden

Br. Windingol Runsab. *Brothers of the Christians Schools*, Katedral Sacred Heart.

Cik Jillian Robert. Pelajar Universiti Malaysia Sabah.

Donald Loket. Katekis Katedral Sacred Heart, Kota Kinabalu.

Encik Azizulah Mokti. Pengawai Penjara Kepayan, Kota Kinabalu.

En. Dany Daniel. Seorang guru dan penganut Katolik di Katedral Sacred Heart.

Encik John Lai. Pengarah Agensi Perkhidmatan dan Bantuan Bencana Advent, Katedral Sacred Heart.

En. Leon Lim. Pengerusi Majlis Pastoral Katedral Sacred Heart.

Fr. Micheal Modoit. Salah seorang paderi Katedral Sacred Heart pada hari ini.

En. Paul Gempu. Beliau seorang bekas guru dan penganut Katolik Katedral Sacred Heart.

En. Peter Boly. Ketua *Legion of Marie* (LOM), Katedral Sacred Heart.

Fr. Peter Abas. Paderi Katedral Sacred Heart.

Puan Anita Tunggolou. Pengerusi *Catholic Women's League Commission*.

Puan Susan Shee. Pengerusi *Christian Family Life Commission*.

Reverend Cosmas Lee. Pengerusi Komisi Liturgi, Diosis Kota Kinabalu.

Sr. Anna Yap. Pengerusi Perkumpulan Rohani dan *Social Communication Commission* Diosis Kota Kinabalu.

Sr. Rita Chiew. Ketua Komisi Pendidikan Katedral Sacred Heart.

Sr. Terry Loukang, FSIC. Pengerusi Belia Diosis Kota Kinabalu.